

Kerajaan prihatin masalah rakyat: PM

BH
- 31/8/2020
ms: 2

Masyarakat diajak hayati semangat kemerdekaan, tanam sikap ambil tahu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kejayaan negara menangani krisis pandemik COVID-19 setakat ini, adalah kerana kerajaan bersikap prihatin terhadap masalah dan kebajikan rakyat, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menegaskan, walaupun pandemik COVID-19 menimbulkan pelbagai masalah kepada negara dan rakyat, ia turut memberi pengajaran amat bermakna kepada semua.

“Petugas barisan hadapan kita bekerja siang dan malam melawan wabak COVID-19 kerana mereka semua prihatin. Sukarelawan sedia membantu mengagihkan bantuan makanan, menyediakan peralatan perlindungan peribadi dan lain-lain, kerana mereka prihatin.

“Saudara dan saudari juga mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan untuk melindungi diri, keluarga dan orang sekeliling kerana semuanya prihatin. Kita, rakyat Malaysia prihatin terhadap nama lain.

“Bagi saya, secara peribadi sebagai pemimpin, sebuah kerajaan yang baik mestilah sentiasa prihatin kepada rakyat. Kebajikan rakyat mesti diutamakan, yang susah dibantu, yang lemah dipapah. Itulah lambang keprihatinan kerajaan kepada rakyat. Saya ingin tekankan Perikatan Nasional (PN) adalah kerajaan Prihatin Rakyat,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian menerusi perutusan khas sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-63, yang disambut hari ini, malam tadi.

Perutusan khas itu dirakamkan di Stadium Merdeka, tempat bersejarah menyaksikan Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu, 63 tahun lalu.

Muhyiddin berikrar menjadikan Prihatin Rakyat sebagai prinsip panduan utama kerajaan PN yang diketuainya yang sudah pun diterjemahkan menerusi pakej-pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan kerajaan sebelum ini.

Tegasnya, prinsip Prihatin Rakyat akan diterjemahkan dalam



Muhyiddin bersama barisan Kabinet mengibarkan Jalur Gemilang di Dataran Perdana Putra, Putrajaya.

(Foto BERNAMA)

Belanjawan 2021 dan apa jua dasar, inisiatif dan pakej rangsangan ekonomi pada masa hadapan, walaupun kerajaan berada dalam situasi sukar, kebajikan rakyat tidak akan diabaikan.

“Cabaran yang kita hadapi juga amat besar. Negara kita mesti terus dibangunkan untuk menjadi sebuah negara maju, yang hasil kemajuannya dinikmati seluruh rakyat secara nyata.

“Kemajuan yang saya maksudkan bukan hanya dari segi angka pertumbuhan ekonomi, indeks bursa saham, jumlah pelaburan langsung asing dan domestik, tetapi sumber pendapatan dan kualiti hidup setiap seorang daripada saudara-saudari sekalian.

“Angka pertumbuhan ekonomi hanya akan bermakna apabila saudara-saudari mempunyai sumber pendapatan mencukupi, kediaman yang selesa, pendidikan yang sempurna, kesihatan yang baik, alam sekitar yang lestari dan keselamatan yang sentiasa terpelihara untuk menjalani kehidupan yang bahagia dan sejahtera,” katanya.

Katanya, beliau menyedari ada dalam kalangan rakyat melakukan dua tiga pekerjaan demi menyara kehidupan keluarga kerana ramai tidak mempunyai simpanan mencukupi untuk menerus-

kan kehidupan, sekiranya terputus mata pencarian.

Menyedari situasi itu, katanya, ketika wabak COVID-19 mula melanda negara dan sektor ekonomi ditutup, perkara pertama dilakukan kerajaan ialah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada rakyat.

“Kita sediakan Bantuan Prihatin Nasional, moratorium bayaran pinjaman bank, bantuan kemudahan khas untuk perusahaan kecil dan sederhana, subsidi upah dan lain-lain bentuk bantuan berjumlah RM260 bilion keseluruhannya, untuk meringankan beban ditanggung rakyat.

“Namun, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan, saya diberitahu Gabenor Bank Negara, Malaysia kerugian RM2.4 bilion sehari dan ekonomi negara akan runtuh jika sektor ekonomi tidak dibuka semula dengan segera.

“Saya amat risau dengan keadaan itu. Jika tidak ditangani dengan baik, ramai yang akan kehilangan pekerjaan dan mata pencarian. Kesannya amat buruk kepada saudara-saudari sekalian,” katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan membuka semula sektor ekonomi secara bertahap dengan ban-

tuhan pemulihan menerusi pelaksanaan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA berjumlah RM35 bilion, sektor ekonomi negara kini mula rancak.

“Lebih 15 juta pekerja kembali bekerja, kadar pengangguran mengalami trend pengurangan daripada 5.3 peratus pada Mei lalu kepada 4.9 peratus pada Jun.

“Saya sedar banyak sektor ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19 dan akan mengambil sedikit masa untuk pulih sepenuhnya, tetapi saya yakin, sekiranya trend pemulihan berterusan, ekonomi negara kita akan pulih lebih cepat,” katanya.

Sesuai tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu Malaysia Prihatin, beliau mengajak semua lapisan rakyat menghayati semangat kemerdekaan dengan sentiasa menanam sikap prihatin yang mendalam terhadap satu sama lain.

“Prihatinlah terhadap keluarga, sahabat, jiran, pekerja dan semua insan yang berada di sekeliling kita.

“Prihatin jugalah kepada tanah air kita. Jagalah kemerdekaannya, pertahankan kedaulatannya, peliharalah keamanannya. Insya-Allah, tanah air kita yang tercinta ini akan kekal merdeka, bebas dan berdaulat selama-lamanya,” katanya.